

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88  
HLM 312 - Kajian Wayang Kulit

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg  
(3 Jam)

Jawab TIGA(3) soalan.

1. Tuliskan satu rencana mengenai sama ada (a) Ramayana atau (b) Mahabharata. Terangkan bagaimana epik pilihan anda itu digunakan dalam teater wayang kulit di Asia Tenggara.
2. Bincangkan dengan mendalam sama ada (a) cara persembahan serta peranan bahagian 'dalang muda' wayang kulit siam atau (b) peralatan serta penggunaan muzik dalam wayang kulit siam.
3. Terangkan dengan terperinci sama ada (a) wayang kulit gedek atau (b) wayang kulit purwa dari aspek-aspek pementasan serta kandungan.
4. Walaupun wayang kulit sentiasa dipersembahkan di Asia Tenggara sebagai sejenis teater yang menghiburkan, namun ritual merupakan aspek wayang kulit yang amat penting, sehingga terdapat wayang kulit berbentuk ritualistik. Pilih satu contoh daripada jenis-jenis wayang kulit ritualistik dan bincangkan bentuk persembahan serta fungsinya.
5. Tuliskan dengan terperinci mengenai TIGA(3) daripada perkara-perkara berikut:
  - (a) nang yai
  - (b) chhayanataka
  - (c) Pak Dogol
  - (d) Lakon Dewaruci
  - (e) pohon beringin/gunungan